



# UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

21030 Kuala Terengganu,  
Terengganu, Malaysia  
Web : www.umt.edu.my

## PEJABAT BENDAHARI

Tel : 09-668 4100/ 4111/ 4226/ 4227  
Faks : 09-668 4217



Rujukan kami : UMT/BEND/100 – 4/8 Jld. 1(15)  
Tarikh : 30 Disember 2015  
Bersamaan : 19 Rabiulawal 1437H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Universiti Malaysia Terengganu

Y. Bhg. Dato' / Prof. / Tuan / Puan,

## PEKELILING BENDAHARI BIL. 9 TAHUN 2015

### KADAR SEWAAN BAGI KEMUDAHAN FASILITI SOKONGAN PENYELIDIKAN DI MAKMAL BERPUSAT, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan kadar sewaan bagi kemudahan fasiliti sokongan penyelidikan di Makmal Berpusat di UMT.

#### 2. LATAR BELAKANG

- 2.1 UMT telah menyemak semula caj sewaan peralatan kemudahan penyelidikan sokongan selaras dengan fasiliti terkini yang dimiliki oleh UMT.
- 2.2 Perkhidmatan sewaan kemudahan fasiliti sokongan penyelidikan merupakan salah satu program penjana pendapatan sejajar dengan hasrat universiti dalam usaha meningkatkan pendapatan universiti.
- 2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan (JKTK), UMT kali ke -32 Bil. 4 Tahun 2015 pada 20 November 2015 telah meluluskan kadar sewaan kemudahan sokongan penyelidikan di Makmal Berpusat ini.

### **3. KADAR SEWAAN/CAJ KEMUDAHAN**

- 3.1 Perkhidmatan sewaan diberikan kepada pengguna berikut, iaitu :
- i) Pengguna Dalaman – warga UMT sahaja. (Pelajar pasca siswazah, penyelidik dan pensyarah UMT)
  - ii) Pengguna Luaran – Agensi swasta, universiti awam dan agensi kerajaan
- 3.2 Kadar sewaan kemudahan penyelidikan sokongan adalah sepertimana kategori berikut :
- i) Bayaran masuk ke Stesen Penyelidikan - Lampiran A
  - ii) Kapal RV Discovery - Lampiran B
  - iii) Bot-bot - Lampiran C
  - iv) Peralatan Berteknologi Tinggi - Lampiran D
- 3.3 Kadar sewaan ini adalah tidak termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dan GST akan dikenakan ke atas kadar tersebut apabila perkhidmatan disediakan.

### **4. PEMBATALAN**

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, **Pekeliling Bendahari Bil 13 Tahun 2011 – Kadar Sewaan/Caj Bagi Kemudahan Dan Peralatan Di Universiti Malaysia Terengganu adalah dibatalkan.**

### **5. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta mulai tarikh ianya diluluskan.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



**(NOR AZIZAH BINTI KASIM)**

Bendahari

Universiti Malaysia Terengganu

s.k:

1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
4. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5. Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Korporat dan Jaringan Industri)

